

Headline	TH taja bimbingan UPSR di Labuan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	601 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Azri Onn	AdValue	RM 20,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,151



# TH taja bimbingan UPSR **di Labuan**

» Calon kuasai teknik tepat  
jawab soalan



Samsudin (berkopiah) bersama peserta Seminar UPSR BH-TH peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di Bilik Rafflesia Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

[ FOTO AZRI ONN/ BH ]

Headline	TH taja bimbingan UPSR di Labuan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	601 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Azri Onn	AdValue	RM 20,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,151

Oleh Azri Onn

► Labuan

**S**eminar Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) BH-Didik tajaan Tabung Haji (TH) memang ditunggu-tunggu oleh murid dan guru di sini.

Penolong Kanan 1 Sekolah Kebangsaan (SK) Patau-Patau, Abd Rahman Salim, berkata syarikat lain patut mencontohi TH yang menaja program itu untuk kali pertama di Labuan.

"Program ini bukan saj� memberi manfaat kepada murid, tetapi juga guru.

"Seminar ini wajar diadakan lebih awal iaitu pada Januari untuk menguji perkembangan calon UPSR," katanya.

#### Program sekolah menengah

Kira-kira 250 murid sekitar Labuan menyertai seminar yang diadakan di Kompleks Ujana Kewangan Labuan itu.

Pengurus TH Labuan, Samsudin Ali, berkata pihaknya bersedia menganjurkan program untuk calon Pentaksiran Pusat Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan sambutan baik untuk program UPSR.

"TH mahu murid dan guru mendapat suasana yang berbeza dengan penganjuran program begini.

"Saya berharap guru dan murid mendapat pengetahuan dan pengalaman terbaik," katanya.

#### Uji tahap kebolehan

Seorang peserta, Nur Fateha Fadlilah Zamri dari SK Tanjung Aru, berkata program itu membantu beliau belajar secara teratur.

Katanya, seminar itu sewajarnya diadakan lebih kerap iaitu dua kali setahun bagi menguji tahap kebolehan peserta sebelum menduduki UPSR.

"Banyak ilmu yang saya peroleh daripada seminar ini. Ia mampu menambah strategi saya menghadapi UPSR kelak," katanya.

#### Kaedah menjawab berkesan

Murid SK Patau-Patau, Rafiq Rafizie Norsham, pula berkata klinik itu memberi peserta banyak strategi untuk menjawab soalan UPSR.

Katanya, pendedahan mengenai kaedah menjawab soalan dengan mudah oleh penceramah adalah satu pengetahuan baharu.

"Terima kasih saya ucapkan kepada TH dan BH kerana menganjurkan program ini di Labuan," katanya.

#### Lebih yakin

Peserta dari SK Pekan Satu, Nur Anissa Nabila, berkata beliau bertuah kerana terpilih menyertai seminar yang sangat bermanfaat itu.

"Matematik satu subjek yang sukar, namun selepas mendapat tip menjawab soalan daripada penceramah, saya lebih yakin untuk mendapat markah tinggi," katanya.

Headline	TH taja bimbingan UPSR di Labuan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 May 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	601 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Azri Onn	AdValue	RM 20,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,151



**“**  
**Terima kasih  
 saya ucapkan  
 kepada TH  
 dan BH  
 kerana  
 menganjurkan  
 program ini  
 di Labuan”**

**Rafiq Rafizie  
 Norsham,  
 Peserta**